

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN KEJOHANAN SUKAN ORANG CACAT SELANGOR DAN WILAYAH
PERSEKUTUAN - KESOCA 1995
Lokasi : PUSAT SUKAN MATSUSHITA, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 13-01-1996

1. Saya bersyukur dan berasa gembira kerana dijemput untuk merasmikan dan menyaksikan kejohanan sukan ini yang membuktikan bahawa orang-orang cacat juga boleh bergiat cergas dan mencipta kejayaan cemerlang dalam beberapa bidang kehidupan biasa masyarakat. Mereka menyambut baik seruan-seruan kita supaya bangun berusaha melengkapkan diri dan mengukuhkan keyakinan diri serta semangat bahawa mereka juga boleh berseiring jalan dengan orang lain jika mereka diberikan peluang yang sewajarnya.
2. Saya berharap penggabungan usaha dan sumbangan tenaga daripada segenap lapisan masyarakat bagi meluaskan interaksi di antara para peserta dengan masyarakat melalui kejohanan seperti ini hendaklah dipertingkatkan lagi di samping memastikan mereka bergiat cergas ke arah pencapaian prestasi sukan yang tinggi.
3. Apa yang diharapkan bukanlah kemenangan di dalam acara-acara yang dipertandingkan, tetapi kegigihan menyambut seruan dan cabaran bahawa orang-orang cacat juga BOLEH memberi sumbangan positif terhadap pembentukan masyarakat bersepadu dan berbudaya akram.
4. Sewajarnya kita bersungguh-sungguh membantu mewujudkan berbagai-bagai aktiviti yang boleh menarik minat dan penyertaan golongan yang kurang bernasib baik ini dalam apa jua bidang bagi memupuk ketahanan mental dan fizikal mereka dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup. Pembangunan mereka ini akan membolehkan mereka menggunakan potensi yang ada pada diri mereka bagi tujuan yang positif. Dengan cara ini mereka akan lebih dihormati kerana dapat berperanan dalam masyarakat.
5. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan terima kasih kepada para peserta dan pegawai kejohanan ini dan mereka yang telah menyumbangkan tenaga, masa dan wang ringgit untuk menjayakan kejohanan ini. Juga terima kasih kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan serta badan-badan swasta yang telah memberi kerjasama dengan Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat, Selangor dan Wilayah Persekutuan untuk menjayakan KESOCA 1995 ini.
6. Seterusnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Dr. Mahmood Merican dan Ahli-ahli Jawatankuasa Induk yang telah menjemput saya untuk menyampaikan sepatah dua kata pada kejohanan ini. Saya berdoa semoga kejohanan ini akan berjalan dengan lancar dan meninggalkan kesan, kenangan manis yang berpanjangan kepada kita semua.
7. Dengan lafaz 'bismillahir rahmanir rahim', saya dengan sukacitanya merasmikan 'KESOCA 1995 - Kejohanan Sukan Orang Cacat Kali Yang Kedua ini anjuran Persatuan Pemulihan Orang-orang Cacat Selangor dan Wilayah Persekutuan'.